

1981

MELAKA, 17 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KEYAKINAN TERHADAP KEMATANGAN POLITIK AHLI-AHLI UMNO UNTUK MENENTUKAN PUCUK PIMPINAN PARTI SECARA TERATUR DAN WARAS.

KATANYA SEKALIPUN TIMBUL BERBAGAI PENDAPAT, MEREKA LAZIMNYA SEBULAT SUARA MENYOKONG SESUATU KEPUTUSAN YANG TELAH DICAPAI. INI MEMBUKTIKAN BAHAWA APABILA SELESAI PERDEBATAN, BARISAN UMNO DIPERKUKUH DAN DIPERKETATKAN LAGI. TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALOR GAJAH YANG MELAPAN DEWAN BANDARAN, KIRA-KIRA 24 KILOMETER DARI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, MENINGATKAN AHLI-AHLI PARTI ADA KALANYA SESUATU KEJAYAAN ITU MEMBAWA KEMUSNAHAN JIKA MEREKA TIDAK INSAF. KATA BELIAU, KITA MUNGKIN TIDAK LAGI INSAF TENTANG KEBAIKAN NASIB KITA DAN LUPA TENTANG SEBAB-SEBAB KEJAYAAN. APABILA KITA INSAF, KEJAYAAN YANG TERCAPAI ITU AKAN LEBIH BERMAKMA DAN BERPANJANGAN. +

—BERSAMBUNG 1647/AN

B566

MAHATHIR-UMNO 2 MELAKA

BELIAU BERKATA SEJAK AKHIR-AKHIR INI SEMAKIN RAMAI GOLONGAN MUDA-MUDI MENYERTAI UMNO DAN INI ADALAH SATU PETANDA YANG AMAT MENGGALAKKAN.

TAMBAH BELIAU MALAHAN PARTI PERNAH MENERIMA DESAKAN DARI GOLONGAN ITU SUPAYA DIBERI TEMPAT DAN HAK DAN TELAH PUN DITUNAikan BELIAU MENEGASKAN SEJAK PILIHANRAYA 1978, RAMAI AHLI DARI GOLONGAN TERSEBUT TELAH DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DIPERINGKAT PUSAT DAN JUGA UNTUK MEMIMPIN NEGERI MASING-

MASING.

KATANYA DENGAN DEMIKIAN UMNO MENJADI LEBIH KUKUH DAN KEADAAN DALAM NEGARA MENJADI LEBIH KEMAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA DIKAJI SEJARAH NEGARA-NEGARA YANG TELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN, DIDAPATI BAHAWA UMNO ADALAH SEBUAH PARTI YANG TELAH MEMERINTAH PALING LAMA SEKALI.

—BERSAMBUNG 1650/AN

B567

MAHATHIR-UMNO 3 MELAKA

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, ENCIK MOHAMAD ADIB HAJI ADAM SEMASA BERUCAP DI MAJLIS ITU BERKATA KEMATANGAN MEMILIH PUCUK PIMPINAN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 26 JUN INI AKAN DAPAT MENENTUKAN MASA DEPAN PARTI, BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA BERUNDING TERLEBIH DAHULU DALAM MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN AGAR TIDAK MERUGIKAN PARTI DAN NEGARA.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM PAGI TADI TELAH DISAMBUT OLEH KIRA-KIRA 5,000 ORANG YANG TERDIRI DARI PEMIMPIN PARTI DAN KETUA-KETUA KAUM DARI SELURUH NEGERI.

ENCIK MOHAMAD ADIB DAN ISTERI MENYAMBUT KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DIKUTI OLEH KETUA-KETUA PARTI DARI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

SETIBANYA DI ALOR GAJAH TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH DISAMBUT DENGAN BARISAN BERMOTOSIKAL SEJAUH DUA KILOMETER OLEH PEMUDA UMNO BAHAGIAN ITU DAN KEMUDIANNYA DISAMBUT PULA OLEH PERGERAKAN WANITA UMNO DENGAN BUNGA MANGGAR DAN SIRIH JUNJUNG.

—BERNAMA 1654/AN